

ASPIRIN UBAT YANG AJAIB

Di dalam dunia serba bentuk sekarang ini, orang ramai semakin bertambah bersandar kepada ubat-ubat pil kerana menjaga, memelihara dan menyembuhkan mereka itu daripada penyakit demam dan pening, dan demikian juga terhadap lain-lain penyakit.

Di antara ubat pil yang mudah dan banyak digunakan oleh orang ramai di dalam dunia ini ialah aspirin. Ahli-ahli perubatan mencampur aspirin dengan lain-lain ubat kerana hendak melegakan rasa sakit, iaitu daripada penyakit demam pening hinggalah penyakit barah. Berjuta-juta biji pil digunakan tiap-tiap hari oleh orang ramai di seluruh dunia.

Walaupun doktor-doktor telah menjalankan beribu-ribu penyiasatan tetapi mereka itu belum dapat memastikan bagaimana cara ubat aspirin menjalankan kerjanya, apa yang diketahui mereka, aspirin, sama ada dimakan dengan cara pil tepung ataupun dicampur dengan air, ialah jenis ubat yang selamat sekali digunakan oleh orang ramai.

Salah satu perkara ajaib berkenaan dengan ubat aspirin ini, ia dapat mengurangkan rasa demam sengan tidak mengganggu keadaan ukuran panas atau sejuk badan manusia. Sekiranya ia di makan oleh orang yang berasa demam, aspirin dengan segera mengurangkan rasa panas tubuh dan sekiranya ia di makan oleh seorang yang pening kepala yang sukatan hawa tubuhnya sihat walafiat, maka aspirin akan melegakan rasa sakit tetapi tidak mengganggu keadaan sukatan hawa tubuh seseorang itu.

Bagaimanapun doktor-doktor tahu akan *acetylsalicylic acid* dapat menyerap masuk ke dalam saluran darah di dalam tempoh sepuluh minit setelah ia di makan. Dan lagi aspirin yang dicampur dengan barang sedikit *bicarbonat of soda* akan lebih segera menyerap masuk ke dalam saluran darah dan selain daripada itu, soda akan memelihara perut daripada menjadi gatal akibat *acid* (air asam) itu,

Boleh dikatakan orang ramai telah berpegang kepada beberapa kepercayaan yang tidak berasas kepada aspirin terutama sekali oleh kerana orang tidak berapa tahu ketahuhi berkenaan dengan “kuasa ghaib” yang ada pada aspirin itu. Di antara perkara yang kedengaran menjadi kepercayaan orang ramai bahawa seseorang akan menjadi “tahi candu” sekiranya ia mengamalkan memakan aspirin dengan selalunya.

Dua orang ahli perubatan Dell University, Amerika Syarikat, yang telah menjalankan lebih kurang 4,000 penyiasatan, menyatakan hanya beberapa orang sahaja yang didapati benar menjadi “tahi candu” kepada aspirin. Walaupun adanya perkara yang sedemikian itu tetapi mereka syak bahawa orang-orang yang menjadi “tahi candu” aspirin itu hanya didorong oleh kepercayaan mereka itu bahawasanya mereka “mesti memakan” aspirin. Sesungguhnya, doktor-doktor berpandangan bahawa orang sakit akan bertabiat demikian sekiranya mereka itu “terpaksa” memakan pil walaupun hanya diperbuat daripada roti.

Beribu-ribu biji aspirin di makan pada tiap-tiap

malam sebagai “ubat menghilangkan mabuk” walaupun aspirin tidak mempunyai kuasa yang demikian. Aspirin yang dimakan sebagai “ubat mabuk” itu, harus akan menghilangkan bengkak sakit kepala tetapi asid (air asam) daripada aspirin akan menggerodok perut yang telah dipengaruhi oleh minuman keras.

Ramai juga orang yang percaya bahawa “mereka itu tidak boleh memakan aspirin”. orang yang mempunyai “perut yang meragam” orang yang menghadapi barah tidak harus memakan aspirin, dan ada juga sebilangan yang kecil diantara orang ramai yang tidak boleh menerima aspirin.

Ada juga yang menjawab hendak membunuh diri dengan memakan aspirin lebih daripada anggarannya. Seseorang yang memakan aspirin terlampau daripada batasan selalunya berasa hendak muntah dan mengloya, pening, binggung dan tidak sedarkan diri. Bagaimanapun, seseorang itu akan menemui mutan sekiranya ia memakan terlampau banyak aspirin, tetapi air asam di dalam kandungan aspirin itu yang membuat seseorang berasa mengloya dan muntah dapat mengeluarkan kembali aspirin-aspirin yang telah di makan sebelum aspirin dapat membahayakan jiwa seseorang itu.

Kebanyakan kematian berlaku kerana aspirin ialah anak-anak yang berumur diantara setahun dengan empat tahun. Kanak-kanak yang di dalam lingkungan umur ini selalunya suka Merayap-rayap dan apa kala terjumpa botol berisi aspirin lalu memasukkan segala apa yang terjumpa ke dalam mulutnya.

Ramuan dan nama aspirin mula-mulanya menjadi hak perniagaan sebuah syarikat Jerman, iaitu Syarikat Kimia Bayer. Tetapi hak perniagaan syarikat ini telah mati di dalam tahun 1917, dan aspirin pun menjadi kegunaan isi rumah. Sekarang ini ada berbagai-bagai jenis buatan aspirin yang dijual di pasar-pasar.

Acetylsalicylic acid, bahan yang digunakan untuk membuat aspirin. Mula-mula diperolehi 100 tahun dahulu

oleh Charles Friedrich Gerhardt, Jerman. Selama 50 tahun yang berikut seseorang yang tahu bagaimana hendak menggunakannya. Kemudian Arthur Eichengrun, ketua ahli kimia Syarikat Bayer, Jerman telah menjalankan penyiasatan secara sulit dengan tidak diketahui oleh pengaruh sains syarikat tersebut.

Doktor Heinrich Dreser, seorang ahli ilmu hisab, pengarah sains syarikat itu, berpegang kuat kepada pandangan bahawa sesuatu ubat yang mustajab dan mujarab itu bergantung bagaimana ia dapat menangkap kuasa elektrik, kerana aspirin didapati lemah menangkap kuasa elektrik. Doktor Dreser telah tidak membenarkan aspirin dicuba dan diuji di dalam tempat klinik, dan terus menolak bahawa aspirin akan mendatangkan “bahaya kepada jantung”.

Eichengrun tidak mahu berputus asa tetapi terus menjalankan penyiasatan dengan cara yang sulit, mula-mulanya ia menjawab kepada diri sendiri, dan kemudian memberi secara sulit kepada doktor-doktor di bandar Berlin untuk menguji dan menjawab aspirin kepada orang-orang sakit di bawah jagaan mereka. Ia dapati aspirin sangat mustajab sebagai ubat bagi menhan sakit dan mengurangkan demam dan tidak mendatangkan bahaya kepada jantung.

Dengan segala bukti dan keterangan yang diperolehi, Eichengrun telah mengemukakan kepada pengarah-pengarah syarikat Bayer untuk mengkhaskan usul pendapatannya. Entah bagaimana, doktor Dreser telah dapat memajukan namanya ke tengah atas pendapatannya ubat aspirin, dan sesungguhnya ia telah dapat menjadi kaya raya atas hasil ubat tersebut.

Eichengrun telah tidak menceritakan bagaimana usul asal yang sebenarnya berkenaan dengan akibat aspirin sehingga ia menulis buku peringatan di dalam masa ia ditahan di tempat perkhemahan Nazi. Di dalam catitan itu ia menulis bahawa “saya percaya dengan adanya ubat aspirin, saya telah dapat memberi kebajikan besar kepada ummat manusia tetapi saya sendiri tidak mendapat sebarang untung daripadanya”.